

**Isu PKP penuh hanyalah perbincangan tidak rasmi dengan MITI -
EuroCham
Astro Awani
24 Januari 2021
Madiha Abdullah**

KUALA LUMPUR: Dewan Perniagaan dan Industri Kesatuan Eropah (EU)-Malaysia (EuroCham Malaysia) menafikan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) ada menyebut berkenaan lockdown atau pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh jika kes jangkitan gagal diturunkan, Februari depan.

Dalam satu kenyataan kepada media, EuroCham memaklumkan surat berkenaan merupakan pekeliling dalaman yang dihantar kepada semua anggota untuk menyampaikan intipati perbincangan tidak rasmi dengan MITI.

"Inti perbincangan tidak rasmi dengan MITI bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang bagaimana komuniti perniagaan dapat memainkan peranan dalam melandaikan lengkung jangkitan COVID-19 dan kesan ekonomi jika kita tidak memainkan peranan yang aktif.

"EuroCham Malaysia ingin menjelaskan walaupun MITI memahami situasi yang mendesak ketika ini dengan jumlah kes yang meningkat, mereka tidak menyebut berkenaan perintah berkurung secara mendadak selepas 4 Februari 2021.

"Justeru kami berharap agar orang ramai fokus pada gambaran yang lebih besar dalam melaksanakannya peranan bagi untuk memastikan situasi yang memaksa pelaksanaan PKP dalam dielakkan," kata kenyataan itu.

Terdahulu, media tempatan melaporkan EuroCham, menerusi satu surat, didakwa mengeluarkan amaran pelaksanaan PKP penuh, iaitu dengan menutup hampir

kesemua aktiviti ekonomi, akan dilaksanakan sekiranya kes penularan COVID-19 gagal dikawal menjelang 4 Februari.

© 2021 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-pkp-penuh-hanyalah-perbincangan-tidak-rasmi-dengan-miti-eurocham-279577>